

Kaedah Madaniyyah

Pendidikan Asas Membaca al-Quran

Kurikulum Halaqah Al-Quran Al-Karim dan
Mutun Ilmiah di Masjid Nabawi



Dr. Abdul Muhsin bin Muhammad Al-Qasim
(Imam dan Khatib Masjid an-Nabawi asy-Syarif)

باللغة الماليزية

**Kaedah Madaniyyah
Pendidikan Asas
Membaca al-Quran**

Kaedah Madaniyyah

Pendidikan Asas Membaca al-Quran

Kurikulum Halaqah Al-Quran Al-Karim dan
Mutun Ilmiah di Masjid Nabawi

Dr. Abdul Muhsin bin Muhammad Al-Qasim
(Imam dan Khatib Masjid an-Nabawi asy-Syarif)



(Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani)

Mukadimah

Segala puji bagi Allah, Tuhan alam semesta. Semoga selawat dan salam dicurahkan ke atas nabi kita, Muhammad, keluarga dan para sahabat Baginda.

Amma ba'du.

Sesungguhnya umat ini telah dimuliakan dengan ilmu; ayat Al-Quran yang pertama kali diturunkan ialah penganjuran untuk menuntut ilmu, Allah Taala berfirman:

﴿أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ﴾

Bacalah dengan nama Tuhanmu yang telah menciptakan [Al-'Alaq:1]

Oleh sebab membaca merupakan salah satu asas dalam menuntut ilmu, saya telah mengumpulkan dasar-dasarnya dan berusaha melakukannya secara menyeluruh dan mudah demi memantapkan kemampuan mereka yang baru bermula untuk membaca Al-Quran. Dalam hal ini, perkara ini memerlukan masa yang singkat sahaja untuk dipelajari dan saya menamainya: ***Kaedah Madaniyyah: Pendidikan Asas Membaca al-Quran.***

Semoga Allah Taala memberikan manfaat daripada buku ini kepada para pembacanya dan menjadikannya sebagai amalan yang dilakukan ikhlas kerana-Nya.

Semoga selawat dan salam dicurahkan ke atas nabi kita, Muhammad serta keluarga dan para sahabat Baginda.

**Dr. Abdul Muhsin bin Muhammad Al-Qasim
Imam dan Khatib Masjid an-Nabawi asy-Syarif**

Selesai ditulis pada Hari Aidiladha tahun 1441 H



Yang Saya Lakukan
dalam Buku Ini

1. Saya menetapkan dasar-dasar ilmiah berdasarkan buku Bahasa Arab.
2. Saya mengumpulkan semua kaedah yang diperlukan oleh pelajar.
3. Saya meletakkan pengenalan penulisan huruf, nama huruf dan bunyi huruf sebelum pembelajaran bermula.
4. Saya membahagikan buku ini kepada 13 bab dan selalunya dalam setiap bab terdapat beberapa pelajaran.
5. Saya menyusunkan buku ini secara berturutan dan mengikut tahap pelajaran.
6. Saya menghubungkan satu pelajaran dengan yang lainnya agar pelajar tetap dapat mengingati pelajaran yang sebelumnya.
7. Saya menetapkan matlamat atau tujuan pembelajaran yang harus direalisasikan oleh seorang pelajar dalam setiap bab.
8. Saya menyertakan garis panduan yang diperlukan oleh seorang guru seperti cara membaca dalam setiap bab.
9. Saya menetapkan kaedah ringkas untuk guru mengajarkan pembacaan.
10. Saya menetapkan beberapa bab dan pelajaran tersendiri bagi sesetengah kaedah membaca sebagai pemantapan tanpa menyebabkan kekeliruan:
 - a. “Hamzah” kerana kedudukannya sebagai huruf dan juga baris, dan selalunya ia berada selepas huruf illah atau bersama huruf illah tersebut.
 - b. “Hamzah mamduah” kerana terdiri daripada dua hamzah yang bersatu atau hamzah dan alif.
 - c. “Alif maqsurah” kerana bentuknya seakan-akan huruf ya.
 - d. “Hamzah qata” dan “hamzah wasal”, “ta marbutah”, “lam qamariyyah” dan “lam syamsiyyah” untuk membezakan huruf yang sama penulisannya, tetapi berbeza cara bacaannya.
 - e. “Mad tabi’i” kerana hurufnya yang tidak berbaris.
 - f. “Alif” selepas “wau al jama’ah” untuk menjelaskan bahawa “wau” menunjukkan bentuk jamak, maka alifnya tidak dibaca.
 - g. Istilah penting dalam penulisan Mushaf dan contoh-contohnya telah ditulis dengan penulisan Mushaf agar pelajar tidak keliru ketika membaca al-Quran al-Karim setelah mempelajari kaedah membaca.
 - h. Angka dari 0 hingga 20 agar pelajar dapat membaca bilangan tunggal dan bilangan jamak.
11. Saya membahagikan Bab Membaca Perkataan kepada lima pelajaran: Dimulakan dengan dua hingga empat perkataan, kemudian membaca ayat dan seterusnya membaca teks yang terdiri daripada beberapa ayat.



12. Saya memulakan pelajaran dengan baris di atas (fathah), kemudian baris di bawah (kasrah) dan setelah itu baris di hadapan (dhammah) kerana baris di atas adalah baris yang paling ringan; kemudian baris di bawah, dan setelah itu sukun (mati).
13. Saya memendekkan contoh dalam Bab Huruf Berserta Baris dan Sukun kepada tiga huruf.
14. Saya meletakkan kesemua huruf hijaiyyah pada permulaan Bab Dua hingga Bab Lima berserta pelajaran yang dimaksudkan, dan setelah itu contoh-contohnya.
15. Saya meletakkan tanda baca pada setiap perkataan dan meletakkan tanda tanwin di atas alif seperti yang dilakukan oleh mazhab jumhur ahli bahasa.
16. Saya menyebut contoh yang diambil dari al-Quran al-Karim dan as-Sunnah an-Nabawiyyah kerana kedua-duanya ialah dasar Bahasa Arab.
17. Saya memilih contoh dengan teliti supaya mudah dibaca dan difahami serta membawa makna yang jelas.
18. Saya memilih contoh dilakukan dengan teliti pada Bab Membaca Perkataan: Terdapat makna yang berpandukan dasar agama, adab dan akhlak agar pelajar mendapat ilmu dan juga pendidikan.
19. Saya menyusun contoh huruf yang dimaksudkan mengikut susunan huruf hijaiyyah hingga akhir bab yang kelima, adapun selepas itu, bersesuaian dengan urutan huruf yang dimaksudkan sama ada sebelum mahupun selepasnya dan telah dimulakan dengan hamzah dalam Bab Dua dan Bab Tiga.
20. Saya tidak mengulangi perkataan yang sama pada contoh agar pelajar dapat membaca perkataan yang berbeza-beza.
21. Saya memisahkan huruf dan contohnya dalam jadual dan membezakan garisannya dengan dua warna, iaitu putih dan hijau.
22. Saya membezakan huruf-huruf dan baris yang dimaksudkan pada setiap pelajaran dengan menggunakan warna merah.
23. Saya membuat aplikasi elektronik untuk buku ini yang disertakan dengan rakaman audio huruf-huruf dan perkataan-perkataannya agar pelajar mendapat kemahiran mendengar dan membaca dengan betul.
24. Saya menyediakan buku khusus untuk mempelajari penulisan di dalam buku ini, yang saya namakan: (**Kaedah Madaniyyah – Pendidikan Asas Menulis**); agar pelajar dapat menghimpunkan dua kemahiran iaitu membaca dan menulis sekali gus.



Keistimewaan
Kaedah Madaniyyah

1. Dasar-dasar ilmiah yang diambil daripada buku Bahasa Arab.
2. Mengandungi kaedah membaca.
3. Mempelajari cara membaca dengan senang dan mudah.
4. Pembelajaran membaca secara bertahap.
5. Belajar membaca dan menguasainya dalam waktu yang singkat.
6. Contoh diambil dari al-Quran al-Karim dan as-Sunnah an-Nabawiyyah.
7. Contoh yang digunakan adalah mudah dan jelas.
8. Contoh tidak berulang.
9. Contoh dalam Bab Membaca Perkataan mengandungi dasar-dasar agama dan akhlak.
10. Memiliki aplikasi elektronik yang dapat membantu kemahiran mendengar dan membaca yang betul.
11. Disertakan dengan kitab lain yang khusus untuk belajar menulis berserta contoh yang sama.



Tujuan Kaedah Madaniyyah

Setelah menyelesaikan buku ini, pelajar akan mampu - dengan izin Allah - untuk:

- Mengenal huruf hijaiyyah dan tanda bacanya.
- Membaca huruf hijaiyyah dan tanda bacanya dengan betul.
- Mengenal tanda baris dan sukun.
- Membaca huruf berserta baris dan sukun dengan betul.
- Mengenal tanwin.
- Menguasai cara membaca huruf bertanwin.
- Mengenal huruf berserta sabdu dan baris.
- Membaca huruf yang bersabdu berserta barisnya dengan betul.
- Mengenal huruf berserta sabdu dan tanwin.
- Membaca huruf yang bersabdu berserta tanwin dengan betul.
- Membezakan cara membaca dan menulis antara hamzah qata' dan hamzah wasal.
- Mengenal huruf mad tabi'i.
- Mengenal alif yang terletak selepas wau al-jama'ah.
- Menguasai cara membaca ta marbutah secara wasal (bersambung) atau waqaf (berhenti).
- Membaca lam qamariyyah dan lam syamsiyyah dengan betul.
- Menguasai bacaan perkataan, ayat dan teks bacaan dengan betul.
- Membaca al-Quran al-Karim dengan istilah Rasm Uthmani.
- Menguasai bacaan angka dengan betul.



Gambar Rajah
Sukatan Pelajaran

BAB DUA BELAS
ISTILAH DALAM
PENULISAN MUSHAF

BAB SEPULUH
LAM QAMARIYYAH DAN
LAM SYAMSIYYAH

BAB LAPAN
ALIF SELEPAS
WAU AL-JAMA'AH

BAB ENAM
HAMZAH QATA' DAN
HAMZAH WASAL

BAB EMPAT
HURUF BERSERTA
SABDU DAN BARIS

BAB DUA
HURUF BERSERTA
BARIS DAN SUKUN

BAB TIGA BELAS
ANGKA

BAB SEBELAS
MEMBACA PERKATAAN


BAB SEMBILAN
TA MARBUTAH

BAB TUJUH
MAD TABI'I

BAB LIMA
HURUF BERSERTA
SABDU DAN TANWIN

BAB TIGA
HURUF BERSERTA
TANWIN

BAB SATU
HURUF HIJAIYYAH





Pengenalan

(Panduan untuk Pengajar)

Terdapat 28 huruf dan setiap huruf memiliki bentuk, nama dan bunyi. Keterangannya adalah seperti yang berikut:

Bentuk huruf	Nama ⁽¹⁾	Bunyi ⁽³⁾
ا	Alif	A ⁽³⁾
ب	Ba	Ba
ت	Ta	Ta
ث	Tsa	Tsa
ج	Jim	Ja
ح	Ha	Ha
خ	Kha	Kha
د	Dal	Da
ذ	Dzal	Dza
ر	Ra	Ra
ز	Zai	Za
س	Sin	Sa
ش	Syin	Sya
ص	Sod	So

Bentuk huruf	Nama	Bunyi
ض	Dhad	Dha
ط	Tha	Tha
ظ	Zha	Zha
ع	'Ain	'Aa
غ	Ghain	Gha
ف	Fa	Fa
ق	Qaf	Qa
ك	Kaf	Ka
ل	Lam	La
م	Mim	Ma
ن	Nun	Na
هـ	Ha	Ha
وـ	Wau	Wa
يـ	Ya	Ya

- (1) Nama huruf dibaca dengan mensukunkan huruf yang terakhir dan ketika wasal dibaca dengan dua baris di atas.
- (2) Alif adalah huruf layin sukun, yang huruf sebelumnya berbaris fathah, disebabkan itu bunyinya tidak dizahirkan kecuali jika dibaca bersama huruf sebelumnya, contohnya «تـ بـ» dan bunyinya berkadar dua harakat.
- (3) Bunyinya berkadar satu harakat, begitu juga huruf-huruf selepasnya.



BAB SATU

HURUF HIJAIYYAH

Tujuan

Setelah menyelesaikan bab ini, pelajar akan mampu - dengan izin Allah - untuk:

- Mengenal huruf hijaiyyah.
- Membaca huruf hijaiyyah dengan betul.
- Mengenal tanda baca huruf hijaiyyah.
- Membaca huruf hijaiyyah yang berbeza-beza bentuknya.
- Mengenal dan dapat membaca hamzah yang berbeza-beza bentuknya.
- Mengenal hamzah mamdudah dan dapat membacanya.
- Mengenal alif maqsurah dan dapat membacanya.



Panduan untuk Pengajar

✿ Cara membaca:

- **Penjelasan pelajaran pertama, halaman 15:**

Pelajar membaca nama huruf seperti yang dijelaskan di pendahuluan (halaman 11). Contohnya: Huruf (ا), dibaca “Alif”; huruf (ب), dibaca “Ba”; huruf (ج), dibaca “Jim”; huruf (ز), dibaca “Zai”; dan seterusnya.

- **Penjelasan pelajaran kedua, halaman 16:**

Pelajar membaca nama huruf dengan bentuknya yang berbeza-beza seperti yang dijelaskan di pendahuluan (halaman 11).

Contohnya: Huruf “Jim” (ج) di tengah dan di akhir perkataan (ج - ج)، dibaca “Jim” dan seterusnya.

Peringatan: Semasa pembelajaran, pelajar tidak diberitahu bahawa huruf ini ada di awal atau di akhir perkataan, cukup hanya dengan mengetahui nama hurufnya sahaja, walau di mana kedudukan mahupun bentuknya.

- **Penjelasan pelajaran ketiga, halaman 20:**

Hamzah yang terletak di pelbagai tempat, sama ada di atas garisan, di atas alif atau di bawah alif, di atas wau, atau di atas ya (ء - أ - إ - ئ - ؔ - ئ) dibaca dalam pelajaran ini “hamzah”, dan di pelajaran yang lain dibaca mengikut bunyinya (ء) “a”.

- **Penjelasan pelajaran keempat, halaman 20.**

- **Hamzah mamdudah:** Ditulis “alif” yang terdapat di atasnya tanda mad (ـ). Dalam pelajaran ini, namanya disebut sebagai “Hamzah mamdudah” dan di pelajaran lainnya dibaca mengikut bunyinya (ـ) “a”.

- **Peringatan: Kedaan hamzah mamdudah:**

- 1- Jika hamzah berbaris atas berada di awal perkataan dan setelahnya hamzah sukun, seperti: (آسَى) ditulis (آسَى).
 - 2- Jika hamzah yang berbaris atas berada di awal perkataan dan setelahnya alif mad sukun seperti: (آذَانْ) ditulis (آذَانْ); atau di tengah perkataan seperti: (هِلْ) ditulis (هِلْ). Contoh lainnya: (قُرْعَانْ) ditulis (قُرْعَانْ).
-

- **Penjelasan pelajaran kelima, halaman 20:**

- **Alif maqsurah:** Ditulis seperti huruf ya di akhir perkataan tanpa dua titik di bawahnya (ي).

- Dalam pelajaran ini, pelajar membaca namanya, iaitu “alif maqsurah” dan di pelajaran lain alif maqsurah dibaca mengikut bunyinya (ي).



Pelajaran Pertama
Huruf Hijaiyyah

ث	ت	ب	ا
خ	ح	ج	
ز	ر	ذ	د
ض	ص	ش	س
غ	ع	ظ	ط
ل	ك	ق	ف
ي	و	ه	ن
			م



Pelajaran Kedua
Bentuk Huruf Hijaiyyah

ل	ل	ا	ا
ب	ب	ب	ب
تةةة	تةةة	تةةة	تةةة
ث	ث	ث	ث
ج	ج	ج	ج
ح	ح	ح	ح
خ	خ	خ	خ



د	د	د	د
ذ	ذ	ذ	ذ
ر	ر	ر	ر
ز	ز	ز	ز
س	س	س	س
ش	ش	ش	ش
ص	ص	ص	ص
ض	ض	ض	ض



ط	ط	ط	ط
ظ	ظ	ظ	ظ
ع	ع	ع	ع
غ	غ	غ	غ
ف	ف	ف	ف
ق	ق	ق	ق



ك	ك	ك	ك
ل	ل	ل	ل
م	م	م	م
ن	ن	ذ	ن
ه	ه	ه	ه
و	و	و	و
ي	ي	ي	ي



Pelajaran Ketiga Hamzah

Bentuk-Bentuk
Hamzah

ء	ء	ء
ء	ء	ء



Pelajaran Keempat Hamzah Mamdudah

Bentuk-Bentuk Hamzah
Mamdudah

ـ

ـ



Pelajaran Kelima Alif Maqsurah

Bentuk-bentuk Alif
Maqsurah

ـى

ـى





**Panduan untuk
Pengajar**

- **Tanda Baris:** Tanda kecil yang terletak di atas atau di bawah sesuatu huruf untuk menjelaskan bunyinya.
- **Baris di Atas (Fathah):** Garis kecil di atas huruf (̄).
- **Baris di Bawah (Kasrah):** Garis kecil di bawah huruf (̄).
- **Baris di Hadapan (Dhammah):** Wau kecil di atas huruf (̄).
- **Tanda mati (Sukun):** Lingkaran kecil di atas huruf (ؑ).

✿ Cara membaca:

- Penjelasan pelajaran pertama, kedua dan ketiga, halaman 23, 26 dan 29:
Pelajar membaca bunyi huruf berserta barisnya (ا - ا - ا) seperti yang dijelaskan dalam pendahuluan, halaman 11.

- Penjelasan contoh-contoh pada pelajaran pertama, kedua dan ketiga, halaman 24, 27 dan 30:
 - 1- Ruangan kotak pertama: Pelajar membaca bunyi huruf berserta barisnya (ا) “a”.
 - 2- Ruangan kotak kedua: Pelajar membaca huruf pertama berserta barisnya (ا) “a”, kemudian membaca huruf kedua berserta barisnya (خ) “kha” setelah itu membaca kedua-dua huruf bersama-sama (ا خ) “akha”.
 - 3- Ruangan kotak ketiga: Pelajar mengulang hal yang sama seperti yang dilakukan di ruangan kotak kedua, kemudian membaca huruf ketiga berserta barisnya (ذ) “dza”, setelah itu membaca keseluruhan perkataan tersebut (ا خ ذ) “akhadza”.
 - 4- Cara ini juga digunakan bagi contoh pelajaran tentang Baris di Bawah dan Baris di Hadapan.

- Penjelasan pelajaran keempat, halaman 32:

Pelajar membaca huruf pertama berserta barisnya (ا) “a”, kemudian membaca huruf pertama berserta huruf kedua yang disukun (أ ب) “ab” kerana huruf yang disukun tidak mungkin dapat diucapkan sendirian.

- Penjelasan contoh pelajaran keempat, halaman 33:
 - 1- Ruangan kotak pertama: Pelajar membaca huruf pertama berserta barisnya (ب) “ba”, kemudian membaca huruf pertama berserta huruf kedua yang disukun (ب ب) “ba”.
 - 2- Ruangan kotak kedua: Pelajar mengulang seperti yang dilakukan pada ruangan kotak pertama kemudian membaca huruf ketiga serta barisnya (س) “sa”, kemudian membaca keseluruhan perkataan tersebut (ب أ س) “ba’sa”.
 - Peringatan: Bermula dari bab ini hingga ke akhir buku, pelajar hanya akan membaca bunyi huruf serta baris atau sukunya, tanpa menyebut namanya.



Pelajaran Pertama
Baris di Atas (Fathah) :-

ث	ت	ب	أ
د	خ	ح	ج
س	ز	ر	ذ
ط	ض	ص	ش
ف	غ	ع	ظ
م	ل	ك	ق
ي	و	ه	ن



**Contoh-Contoh
Baris di Atas (Fathah) :**

أَخَذَ	أَخَ	أَ
بَسَطَ	بَسَ	بَ
تَرَكَ	تَرَ	تَ
ثَبَتَ	ثَبَ	ثَ
جَمَعَ	جَمَ	جَ
حَمَلَ	حَمَ	حَ
خَتَمَ	خَتَ	خَ
دَخَلَ	دَخَ	دَ



ذَهَبَ	ذَهَ	ذَ
رَفَعَ	رَفَ	رَ
زَعَمَ	زَعَ	زَ
سَجَدَ	سَجَ	سَ
صَدَقَ	صَدَ	صَ
عَبَسَ	عَبَ	عَ
غَفَرَ	غَفَ	غَ
نَزَلَ	نَزَ	نَ



Pelajaran Kedua
Baris di Bawah (Kasrah) -

ث	ت	ب	إ
د	خ	ح	ج
س	ز	ر	ذ
ط	ض	ص	ش
ف	غ	ع	ظ
م	ل	ك	ق
ي	و	ه	ن

Contoh-Contoh
Baris di Bawah (Kasrah) -

يَسَّ	يَدَ	يَ
أَجَدَ	أَجَ	أَ
رَحْمَ	رَحِ	رَ
بَخْلَ	بَخِ	بَ
رَدَفَ	رَدِ	رَ
شَرِبَ	شَرِ	شَ
فَزَعَ	فَزِ	فَ
ذَسِيَّ	ذَسِّ	ذَ



خَشِيَّ	خَشِّ	خَ
خَطِفَ	خَطِّ	خَ
مَعِيَّ	مَعِّ	مَ
سَفِهَّ	سَفِّ	سَ
بَقِيَّ	بَقِّ	بَ
عَلِمَّ	عَلِّ	عَ
سَمِعَّ	سَمِّ	سَ
شَهَدَّ	شَهِّ	شَ

Pelajaran Ketiga
Baris di Hadapan (Dhammah) :

ث	ت	ب	أ
د	خ	ح	ج
س	ز	ر	ذ
ط	ض	ص	ش
ف	غ	ع	ظ
م	ل	ك	ق
ي	و	ه	ن



Contoh-Contoh
Baris di Hadapan (Dhammah) :

كَبْرَ	كَبْ	كَ
كَثْرَ	كَثْ	كَ
ثَخْنَ	ثَخْ	ثَ
يَدْكَ	يَدْ	يَ
قَرْبَ	قَرْ	قَ
حَسْنَ	حَسْ	حَ
بَصَرَ	بَصَ	بَ
عَضْدَ	عَضْ	عَ



طِبَعَ	طِبْ	طُ
ظُلِمَ	ظُلْدِ	ظُ
عُفِيَ	عُفِّ	عُ
فُتَحَ	فُتِّ	فُ
قُرِئَ	قُرِّ	قُ
كُبِتَ	كُبِّ	كُ
هُدِيَ	هُدِّ	هُ
وُضِعَ	وُضِّ	وُ



Pelajaran Keempat
Tanda Mati (Sukun) :-

أَث	أَت	أَب	بَأْ
أَد	أَخ	أَح	أَج
أَس	أَز	أَر	أَذ
أَط	أَض	أَص	أَش
أَف	أَغ	أَع	أَظ
أَم	أَل	أَك	أَقْ
أَيْ	أَوْ	أَهْ	أَنْ

Contoh-Contoh
Tanda Mati (Sukun) :

بَأْسَ	بَأْ
سَبَعَ	سَبْ
أَجْرُ	أَجْ
يَدْعُ	يَدْ
عَرْشَ	عَرْ
نَصْرُ	نَصْ
فَضْلٌ	فَضْ
بَطْشَ	بَطْ



بَعْضُ	بَعْ
مَكْرُ	مَكْ
قَلْبٌ	قَدْ
أَمْرٌ	أَمْ
كُنْتَ	كُنْ
أَهْلٌ	أَهْ
يَوْمَ	يَوْ
غَيْبُ	غَيْ



BAB TIGA

HURUF BERSERTA TANWIN

Tujuan

Setelah menyelesaikan bab ini, pelajar akan mampu - dengan izin Allah - untuk:

- Mengenal tanwin.
- Menguasai bacaan huruf yang bertanwin.



**Panduan untuk
Pengajar**

- **Tanwin:** Nun sukun tambahan yang dilafazkan pada akhir isim (kata nama), namun tidak nampak pada tulisan dan dilafazkan ketika mewakafkan isim.
- **Dua Baris di Atas (Fathatan):** ﴿
- **Dua Baris di Bawah (Kasratan):** ۚ
- **Dua Baris di Hadapan (Dhammatan):** ۑ

✿ Cara membaca:

- Penjelasan pelajaran pertama, kedua dan ketiga, halaman 37, 39, 41:

Pelajar membaca bunyi huruf yang bertanwin dengan barisnya (ء - إ - ئ) “an – in – un”.

- Peringatan: Keadaan tanwin mansub bersama dengan hamzah yang ada di akhir perkataan:

- 1- Dua Baris di Atas ditulis di atas alif selepas hamzah mutatorrifah (hamzah yang ada di akhir kata). Contohnya: (جُزْءًا) “juz-an”.
- 2- Dua Baris di Atas ditulis di atas hamzah mutatorrifah tanpa tambahan alif selepasnya pada dua keadaan:
 - a- Apabila hamzah mutatorrifah berada di atas alif. Contohnya: (خَطَا) “khathaan”.
 - b- Apabila hamzah mutatorrifah didahului oleh alif. Contohnya (مَاء) “ma-an”.

- Penjelasan contoh-contoh pelajaran pertama, kedua dan ketiga, halaman 38, 40, 42:

- 1- Pelajar membaca huruf pertama serta barisnya (ع) “i”, kemudian membaca huruf kedua serta barisnya (ن) “na”, kemudian membaca kedua huruf tadi bersama (عَنْ) “ina”, lalu membaca huruf ketiga yang bertanwin serta barisnya (بَنْ) “ban”, dan akhirnya membaca keseluruhan perkataan tersebut (عِنْبَانْ) “inaban”.
- 2- Apabila huruf kedua sukun, pelajar perlu membaca huruf pertama serta barisnya (فَ) “fa”, lalu membaca huruf pertama bersama huruf kedua yang sukun (فَنْ) “fau”, kemudian membaca huruf ketiga yang bertanwin serta barisnya (زَنْ) “zan”, setelah itu membaca keseluruhan perkataan tersebut (فَوْرَانْ) “fauzan”.
- 3- Demikian juga yang akan dilakukan pada contoh-contoh pelajaran tentang Dua Baris di Bawah dan Dua Baris di Hadapan.



Pelajaran Pertama
Dua Baris di Atas (Fathatan) :

ثا	تا	با	عا
دا	خا	حا	جا
سا	زا	را	ذا
طا	ضا	صا	شا
فا	غا	عا	ظا
ما	لا	كا	قا
يا	وا	ها	نا



Contoh
Dua Baris di Atas (Fathatan) :

مَقْتَأً

عَنْبَأً

أَحَدًا

مَرَحَا

خَيْرًا

أَذَى

كَأسًا

فَوْزًا

وَسَطًا

قَرْضاً

نَفْعاً

جِهْظَا

مُذْكَأً

آنِفاً

ثَمَنًا

حَرَمًا



Pelajaran Kedua
Dua Baris di Bawah (Kasratan) -

ث	ت	ب	ء
د	خ	ح	ج
س	ز	ر	ذ
ط	ض	ص	ش
ف	غ	ع	ظ
م	ل	ك	ق
ي	و	ه	ن



Contoh-Contoh
Dua Baris di Bawah (Kasratan) -

لَهْبٌ

شَيْءٌ

عَبْدٌ

آيَةٌ

نَفْسٌ

سَفَرٌ

أَرْضٌ

فُرْشٌ

زَرْعٌ

رَهْطٌ

طَبَقٌ

جُرْفٌ

رَجُلٌ

فَلَكٌ

قَرْنٌ

قَوْمٌ



Pelajaran Ketiga
Dua Baris di Hadapan (Dhammatan) –

ث	ت	ب	ع
د	خ	ح	ج
س	ز	ر	ذ
ط	ض	ص	ش
ف	غ	ع	ظ
م	ل	ك	ق
ي	و	ه	ن



Contoh-Contoh
Dua Baris di Hadapan (Dhammatan) ۴

حَرَجٌ	كُتُبٌ
رَيْدٌ	رَفْحٌ
إِنْسٌ	شَهْرٌ
رَيْغٌ	مَرَضٌ
إِفْكٌ	رِزْقٌ
آثِمٌ	عَدْلٌ
كُرْهٌ	عَيْنٌ
وَحْيٌ	لَهْوٌ



BAB EMPAT

HURUF BERSERTA SABDU
DAN BARIS

Tujuan

Setelah menyelesaikan bab ini, pelajar akan mampu - dengan izin Allah - untuk:

- Mengenal huruf berserta sabdu dan baris.
- Membaca huruf yang bersabdu serta barisnya dengan betul.



**Panduan untuk
Pengajar**

- **Huruf bersabdu:** Huruf sukun yang selepasnya terdapat huruf berbaris yang sama dengannya seperti: (بْ + بَ = بِ).
- **Sabdu dengan Baris di Atas:** Kepala sin kecil dan di atasnya Baris di Atas (ـ).
- **Sabdu dengan Baris di Bawah:** Kepala sin kecil dan di bawahnya Baris di Bawah (ـ).
- **Sabdu dengan Baris di Hadapan:** Kepala sin kecil dan di atasnya Baris di Hadapan (ـ).

✿ Cara membaca:

- Penjelasan pelajaran pertama, kedua dan ketiga, halaman 45, 47, 49:

Pelajar membaca huruf pertama berserta barisnya (ا) “a”, kemudian membaca huruf pertama bersama dengan huruf kedua yang bersabdu berserta barisnya (أَبْ) “abba” kerana huruf bersabdu tidak mungkin dibaca bersendirian.

- Penjelasan contoh pelajaran pertama, kedua dan ketiga, halaman 46, 48, 50:
- 1- Pelajar membaca huruf pertama berserta barisnya (هـ) “ha”, kemudian membaca huruf pertama bersama huruf kedua yang bersabdu berserta barisnya (هـبـ) “habba”, lalu membaca huruf ketiga berserta barisnya (تـ) “tin”, dan setelah itu membaca keseluruhan perkataan tersebut (هـبـتـ) “habbatin”.
 - 2- Jika selepas huruf kedua yang bersabdu ialah huruf sukun, pelajar membaca huruf pertama berserta barisnya (يـ) “ya”, kemudian membaca huruf pertama bersama huruf kedua yang bersabdu berserta barisnya (يـسـ) “yassi”, lalu membaca huruf pertama dan kedua yang bersabdu berserta barisnya bersama dengan huruf ketiga yang sukun (سـسـ) “yassir”.
 - 3- Begini juga cara yang akan digunakan apabila selepas huruf kedua yang bersabdu ialah alif maqsurah (حـتـ) “hatta”.
 - 4- Apabila huruf yang bersabdu berada di akhir perkataan, pelajar membaca huruf pertama berserta barisnya (اـ) “a”, kemudian membaca huruf kedua berserta barisnya (عـ) “a”, lalu membaca kedua huruf tadi bersama-sama (أـعـ) “a'a”, dan setelah itu membaca huruf kedua bersama dengan huruf ketiga yang bersabdu berserta barisnya (عـدـ) “adda”, kemudian membaca keseluruhan perkataan tersebut (أـعـدـ) “a'adda”.



Pelajaran Pertama
Sabdu dengan Baris di Atas

أَجٌ	أَثٌ	أَتٌ	أَبٌ
أَذٌ	أَدٌ	أَخٌ	أَحٌ
أَشٌ	أَسٌ	أَزٌ	أَرٌ
أَظٌ	أَطٌ	أَضٌ	أَصٌ
أَقٌ	أَفٌ	أَغٌ	أَعٌ
أَنٌ	أَمٌ	أَلٌ	أَكٌ
أَيٌ	أَوٌ		أَهٌ



Contoh-Contoh
Sabdu dengan Baris di Atas

حَتَّىٰ

حَبَّةٌ

سَخَّرَ

كَثَرَ

كَذَبَ

أَعْدَادٌ

عِزَّةٌ

حَرَمَ

حِطَّةٌ

أَحَسَّ

أَحَقٌ

خَفَّ

سَلَّمَ

فَكَرَ

بَوَّأَ

جَنَّةٌ



Pelajaran Kedua
Sabdu dengan Baris di Bawah :

أَج <small>۳۱</small>	أَث <small>۳۱</small>	أَت <small>۳۱</small>	أَب <small>۳۱</small>
أَذ <small>۳۱</small>	أَد <small>۳۱</small>	أَخ <small>۳۱</small>	أَح <small>۳۱</small>
أَش <small>۳۱</small>	أَس <small>۳۱</small>	أَز <small>۳۱</small>	أَر <small>۳۱</small>
أَظ <small>۳۱</small>	أَط <small>۳۱</small>	أَض <small>۳۱</small>	أَص <small>۳۱</small>
أَق <small>۳۱</small>	أَف <small>۳۱</small>	أَغ <small>۳۱</small>	أَع <small>۳۱</small>
أَن <small>۳۱</small>	أَم <small>۳۱</small>	أَل <small>۳۱</small>	أَك <small>۳۱</small>
أَي <small>۳۱</small>	أَو <small>۳۱</small>		أَه <small>۳۱</small>



Contoh-Contoh
Sabdu dengan Baris di Bawah

عْجَلَ

سَبَحَ

عُذْبَ

يُؤَدِّ

يَسِرَ

بُرَزَ

حُصَلَ

بَشَرَ

نُوفَ

عُظَلَ

كُلَمَ

ذُكْرَ

مَهَلَ

عَمَكَ

زُينَ

غُدوٌ



Pelajaran Ketiga
Sabdu dengan Baris di Hadapan

أج	أث	أت	أب
أذ	أد	آخ	آح
أش	أس	آز	آر
أظ	أط	آض	آص
آق	آف	آغ	آع
آن	آم	آل	آك
آي	آو		آه



Contoh-Contoh
Sabdu dengan Baris di Hadapan

يَبْشِّرُ

مِتْ

يَرْدُ

حِجَّ

تَمْرُ

تَلْذُ

يَمْسِ

تُعْزِّ

نَقْصُ

أَهْشُ

يَدْعُ

يَحْضُ

يَحِلُّ

أَشْقَى

يَظْنُ

مُتَمِّ



BAB LIMA

HURUF BERSERTA SABDU DAN TANWIN

Tujuan

Setelah menyelesaikan bab ini, pelajar akan mampu - dengan izin Allah - untuk:

- Mengenal huruf berserta sabdu dan tanwin.
- Membaca huruf bersabdu serta tanwin dengan betul.



**Panduan untuk
Pengajar**

- **Sabdu dengan Dua Baris di Atas:** Kepala sin kecil dan di atasnya Dua Baris di Atas (ٰ).
 - **Sabdu dengan Dua Baris di Bawah:** Kepala sin kecil dan di bawahnya Dua Baris di Bawah (ـ)
 - **Sabdu dengan Dua Baris di Hadapan:** Kepala sin kecil dan di atasnya Dua Baris di Hadapan (ـ).
-

✿ Cara membaca:

- Penjelasan pelajaran pertama, kedua dan ketiga, halaman 53, 55, 57:

Pelajar membaca huruf pertama berserta barisnya (ا) “a”, kemudian membaca huruf pertama bersama-sama huruf kedua yang bersabdu dan bertanwin berserta barisnya (أَبْبَانْ) “abban”.

- Penjelasan contoh-contoh pelajaran pertama, kedua dan ketiga, halaman 54, 56, 58:

Apabila sesuatu perkataan terdiri daripada tiga huruf, pelajar membaca huruf pertama berserta barisnya (قَ) “qa”, kemudian membaca huruf kedua berserta barisnya (وِ) “wi”, lalu membaca kedua-dua huruf tadi bersama-sama (قَوِيَّةً) “qawi”, kemudian membaca huruf kedua berserta huruf ketiga yang bersabdu dan bertanwin berserta barisnya (وِيَّةً) “wiyyan”, kemudian membaca keseluruhan perkataan tersebut (قَوِيَّةً) “qawiyyan”.

Penjelasan pelajaran keempat, halaman 59:

Apabila pada sesuatu perkataan terdapat dua huruf bersabdu yang beriringan, pelajar membaca dari awal perkataan hingga huruf bersabdu pertama seperti yang telah diterangkan, kemudian membaca huruf bersabdu pertama dengan huruf sebelumnya, lalu membaca dari awal perkataan berserta huruf bersabdu pertama, dan setelah itu membaca kedua-dua huruf yang bersabdu dengan huruf yang sebelumnya, lalu membaca dari awal perkataan hingga kedua-dua huruf yang bersabdu.

- Contoh membaca dua huruf bersabdu yang beriringan (لَا ضِلَّةُهُمْ), halaman 59:

Pelajar membaca huruf lam berserta barisnya (لَ) “la”, kemudian hamzah berserta barisnya (أَ) “u”, kemudian membaca kedua-dua huruf tersebut bersama-sama (أَلَّا) “la-u”, lalu membaca dhad berserta barisnya (ضَ) “dhi”, kemudian membaca ketiga-tiga huruf tadi bersama-sama (الْأَضْلَلُهُمْ) “la-udhi”, lalu membaca dhad dan lam yang bersabdu berserta barisnya (ضَلَّا) “dhilla” dan setelah itu membaca kesemua huruf tadi dan lam bersabdu berserta barisnya (الْأَضْلَلُهُمْ) “la-udhilla”, kemudian membaca dhad dengan lam dan nun yang bersabdu berserta barisnya (ضَلَّنَّ) “dhillanna”, lalu membaca seluruh huruf tadi dengan nun yang bersabdu berserta barisnya (الْأَضْلَلُهُمْ) “la-udhillanna”, kemudian membaca ha berserta barisnya (هَ) “hu”, lalu membaca kesemua huruf tadi (لَا هُدَى لَهُمْ) “la-udhillannahu”, kemudian membaca ha berserta barisnya dan mim sukun (هُمْ) “hum” dan setelah itu membaca keseluruhan perkataan tersebut (لَا هُدَى لَهُمْ) “la-udhillannahum”.



Pelajaran Pertama
Sabdu dengan Dua Baris di Atas

أَجَّا	أَثَّا	أَتَّا	أَبَّا
أَدَّا	أَدَّا	أَخَّا	أَحَّا
أَشَّا	أَسَّا	أَزَّا	أَرَّا
أَطَّا	أَطَّا	أَضَّا	أَصَّا
أَقَّا	أَفَّا	أَغَّا	أَعَّا
أَنَّا	أَمَّا	أَلَّا	أَكَّا
أَيَّا	أَوَّا	أَهَّا	



Contoh-Contoh
Sabdu dengan Dua Baris di Atas

سَدَا

حُبَا

أَزَا

سِرَا

صَفَا

بَسَا

دَكَا

حَقَا

جَمَا

كُلَا

قَوِيَاً

عَفْوَاً



Pelajaran Kedua

Sabdu dengan Dua Baris di Bawah -

ج ³	ث ³	ت ³	ل ³
ذ ³	د ³	خ ³	ح ³
ش ³	س ³	ز ³	ر ³
ظ ³	ط ³	ض ³	ص ³
ق ³	ف ³	غ ³	ع ³
ن ³	م ³	ل ³	ك ³
ي ³	و ³		ه ³



Contoh-Contoh

Sabdu dengan Dua Baris di Bawah

مَرْدٌ

فَجٌّ

خَطٌّ

ضُرٌّ

رَقٌّ

أَفْ

ظَلٌّ

صَلَّ

سِنٌّ

غِمٌّ

خَفِيٌّ

عُتُوٌّ



Pelajaran Ketiga
Sabdu dengan Dua Baris di Hadapan ۿ

أَج	أَث	أَت	أَب
أَذ	أَد	أَخ	أَح
أَش	أَس	أَز	أَر
أَظ	أَط	أَض	أَص
أَق	أَف	أَغ	أَع
أَن	أَم	أَل	أَك
أَي	أَو		أَه

**Contoh-Contoh****Sabdu dengan Dua Baris di Hadapan ۴**

سِتٌّ

رَبٌّ

صَدٌّ

شُحٌّ

شِقٌّ

شَرٌّ

حِلٌّ

شَكٌّ

مُسِنٌّ

صُمٌّ

غَنِيٌّ

عَدْوٌ



Pelajaran Keempat
Dua Huruf Bersabdu =

لُجَيٌّ

بُتَكَنٌ

سَيْذَكَرٌ

مُدَثَّرٌ

مُزَمَّلٌ

ذُرِيَّةٌ

يَشْقَقُ

يَمْسَنٌ

يَطَوَّفَ

يَصَعُّ

أَتَهُنَّ

لَا ضِلَّتَهُمْ



BAB ENAM

HAMZAH QATA' DAN HAMZAH WASAL

Tujuan

Setelah menyelesaikan bab ini, pelajar akan mampu - dengan izin Allah - untuk:

- Membezakan bentuk dan cara membaca hamzah qata' dan hamzah wasal.
- Membaca hamzah qata' dan hamzah wasal dengan betul.



**Panduan untuk
Pengajar**

- **Hamzah qata'**: Hamzah asli berbaris yang terletak di awal perkataan, ditulis di atas atau di bawah alif dan dibaca mengikut barisnya (ا - إ - ا) “a – i – u”.

- **Hamzah wasal**: Hamzah tambahan yang terletak di awal perkataan, ditulis (ا) tanpa apa-apa baris pun, ditulis dan dibaca jika tidak bersambung dengan huruf sebelumnya.

Apabila bersambung dengan huruf sebelumnya, hamzah ini ditulis dan tidak dibaca.

- **Bagaimana cara membezakan antara hamzah qata' dengan hamzah wasal?**

Letakkan huruf wau sebelum perkataan tersebut:

- Jika hamzahnya dibaca, maka hamzah itu adalah hamzah qata'.
- Jika hamzahnya tidak dibaca, maka hamzah itu adalah hamzah wasal.

✿ Cara membaca:

- **Penjelasan pelajaran pertama, halaman 63.**

- 1- Pelajar membaca hamzah qata' mengikut barisnya seperti yang dilakukan pada pelajaran-pelajaran yang lalu.
- 2- Menggunakan cara-cara sebelumnya dalam membaca contoh-contoh pelajaran.

- **Penjelasan pelajaran kedua, halaman 64.**

- 1- Jika hamzah wasal tidak didahului oleh sesuatu huruf sebelumnya, maka dibaca seperti hamzah qata'.
- 2- Jika hamzah wasal didahului oleh sesuatu huruf sebelumnya, maka hamzah wasal tidak akan dibaca. Huruf yang berada sebelum hamzah wasal disambung dengan huruf yang berada selepasnya seperti kata (واتل) dibaca (وتل) “watlu”.
- 3- Mengikut cara sebelumnya dalam membaca contoh-contoh pelajaran.



Pelajaran Pertama
Hamzah Qata'

وَسَلَّمَ

سَلَّمَ

وَعَمِلُ

عَمِلُ

Contoh-Contoh
Hamzah Qata'

إِخْوَةٌ

أَجَلٌ

وَشَدَّ

أَسْوَةٌ

وَاضْلُّ

إِصْرًا

أَقْرَبُ

وَاعْلَمُ

أَوْحَى

فَانْزَلَ



Pelajaran Kedua
Hamzah Wasal

وَابْنُ

ابْنُ

وَاثْنَانِ

اثْنَانِ

Contoh-Contoh
Hamzah Wasal

اِرْكُضْ

وَاتْلُ

اِشْرَخْ

اسْمُ

وَاضْرِبْ

فَاصْبِرْ

فَاغْفِرْ

وَاعْبُدْ

وَانْظُرْ

اِكْشِفْ



BAB TUJUH

MAD TABI'I

Tujuan

Setelah menyelesaikan bab ini, pelajar akan mampu - dengan izin Allah - untuk:

- Mengenal mad tabi'i.
- Membaca huruf mad tabi'i dengan betul.



**Panduan untuk
Pengajar**

- Terdapat tiga huruf mad (ا - و - ي).
- Bilakah sesuatu huruf menjadi mad tabi'i?

Apabila alif didahului oleh baris di atas (ب) “ba”, wau didahului oleh baris di hadapan (بُو) “bu”, atau ya didahului oleh baris di bawah (بِي) “bi”.

- Adakah huruf mad berbaris?

Huruf mad adalah sukun, tidak memiliki baris, sama ada Baris di Atas, Baris di Bawah mahupun Baris di Hadapan.

✿ Cara membaca:

- Penjelasan halaman 67.

- 1- Pelajar membaca huruf pertama berserta barisnya (ت) “ta”, kemudian membaca huruf pertama bersama dengan huruf mad (ت) “ta”, lalu membaca huruf ketiga berserta barisnya (ب) “ba” dan setelah itu membaca keseluruhan perkataan tersebut (تَابَ) “taba”.
- 2- Demikianlah cara-cara sebelumnya yang digunakan untuk membaca contoh-contoh dalam pelajaran.

**Mad Tabi'i**

١

Contoh huruf alif sebagai mad tabi'i

رَانَ

خَافَ

تَابَ

قَامَ

عَادَ

طَافَ

و

Contoh huruf wau sebagai mad tabi'i

سُورَةٌ

رَسُولٌ

أَعُوذُ

هُودٌ

غَفُورٌ

شَكُورٌ

ي

Contoh huruf ya sebagai mad tabi'i

شَدِيدٌ

دِينٌ

خَبِيرٌ

مُبِينٌ

قَدِيرٌ

عِيشَةٌ



BAB LAPAN
ALIF SELEPAS WAU
AL-JAMA'AH

Tujuan

Setelah menyelesaikan bab ini, pelajar akan mampu - dengan izin Allah - untuk:

- Mengenal alif selepas wau al-jama'ah.



**Panduan untuk
Pengajar**

- Alif selepas wau al-jama'ah: Alif yang terletak di akhir fi'il (kata kerja) setelah wau al-jama'ah seperti (صلوا) “sollu”.
- Ditulis alif selepas wau al-jama'ah untuk menunjukkan bahawa yang berada di situ adalah wau al-jama'ah (merujuk jamak atau banyak), apabila wau tidak menunjukkan jamak, alif tidak akan ditulis selepasnya seperti (أَرْجُو) “arju”.

✿ Cara membaca:

- Penjelasan halaman 71.
- 1- Mengikut cara sebelumnya dalam pembacaan contoh-contoh pelajaran.
 - 2- Alif yang terletak selepas wau al-jama'ah ditulis, namun tidak dibaca dalam semua keadaan.



و

Alif Selepas
Wau Al-Jama'ah

تَوَاصُوا

أُمِرُوا

ذَاقُوا

جَابُوا

زَاغُوا

رَضُوا

قُوا

فَتَنُوا

مَرُوا

كُوا

يَتَّخِذُوا

نُهُوا



BAB SEMBILAN

TA MARBUTAH

Tujuan

Setelah menyelesaikan bab ini, pelajar akan mampu - dengan izin Allah - untuk:

- Mengenal ta marbutah.
- Menguasai bacaan ta marbutah ketika bersambung dan berhenti.



**Panduan untuk
Pengajar**

- **Ta marbutah:** Ta yang terletak di akhir perkataan, ditulis seperti ha mutatorrifah (yang berada di akhir perkataan) dan di atasnya terdapat dua titik (• - ߱), dibaca “ta” jika bersambung dan dibaca “ha” ketika berhenti.

✿ Cara membaca:

- Penjelasan halaman 75:
 - 1- Pelajar mengikut cara yang sebelumnya dalam membaca contoh-contoh pelajaran.
 - 2- Pelajar membaca ta marbutah satu kali dalam keadaan bersambung dan satu kali dalam keadaan berhenti:
 - Dalam keadaan bersambung: ta dibaca berserta barisnya.
 - Dalam keadaan berhenti: ta dibaca ha sukun.



Ta Marbutah

Apabila Berhenti	Apabila Bersambung
عَالِيَةٌ	عَالِيَّةٌ
فَعَةٌ	فِعَةٌ

Contoh-Contoh
Ta Marbutah

تِسْعَةٌ	بَرَّةٌ
رِجْرَةٌ	رِحْلَةٌ
صُورَةٌ	سَفَرَةٌ
قِسْمَةٌ	فِتْنَةٌ
نِعْمَةٌ	لَيْلَةٌ



BAB SEPULUH

LAM QAMARIYYAH DAN LAM SYAMSIYYAH

Tujuan

Setelah menyelesaikan bab ini, pelajar akan mampu - dengan izin Allah - untuk:

- Membezakan antara lam qamariyyah dan lam syamsiyyah.
- Membaca lam qamariyyah dan lam syamsiyyah dengan betul.



**Panduan untuk
Pengajar**

- **Lam qamariyyah:** Lam yang didahului oleh hamzah wasal di awal perkataan, lam ini ditulis dan juga dibaca.
- **Lam syamsiyyah:** Lam yang didahului oleh hamzah wasal di awal perkataan, lam ini ditulis, namun tidak dibaca.
- **Bagaimana membezakan lam qamariyyah dan lam syamsiyyah?**

Letakkan wau sebelum perkataan tersebut.

- Apabila lamnya dibaca, lam tersebut ialah lam qamariyyah.
- Apabila lamnya tidak dibaca, lam tersebut ialah lam syamsiyyah.

✿ Cara membaca:

- **Penjelasan pelajaran pertama, halaman 79:**

- 1- Apabila hamzah wasal yang terletak sebelum lam qamariyyah tidak didahului oleh sesuatu huruf sebelumnya, maka hamzah wasal dibaca dengan Baris di Atas bersama dengan lam sukun (أَلْ) “al”.
- 2- Apabila hamzah wasal yang terletak sebelum lam qamariyyah didahului oleh sesuatu huruf, maka hamzah wasal tidak dibaca dan huruf sebelumnya terus disambung dengan lam sukun (وَلْ) “wal”.
- 3- Mengikuti cara yang sebelumnya dalam membaca contoh-contoh pelajaran.

- **Penjelasan pelajaran kedua, halaman 80:**

- 1- Apabila hamzah wasal yang terletak sebelum lam syamsiyyah tidak didahului oleh sesuatu huruf, hamzah wasal diberi Baris di Atas dan huruf setelah lam diberi sabdu, lam tidak akan dibaca, maka kata (السَّمَاءُ) dibaca (أَسْمَاءُ) “assama-u”.
- 2- Apabila hamzah wasal yang terletak sebelum lam syamsiyyah didahului oleh sesuatu huruf, huruf tersebut dibaca bersambung dengan huruf setelah lam, hamzah wasal dan lam tidak akan dibaca, maka kata (وَالسَّمَاءُ) dibaca (وَسَمَاءُ) “wassama-u”.
- 3- Mengikut cara yang sebelumnya dalam membaca contoh-contoh pelajaran.

- Peringatan:

- 1- Apabila lam qamariyyah dan lam syamsiyyah didahului oleh lam, hamzah wasalnya dihapus dan tidak dibaca seperti: (لِلْقَمَرِ) “lilqomari”, dan (لِلنَّاسِ) “linnasi”.
- 2- Apabila lam syamsiyyah datang pada perkataan yang didahului oleh huruf lam ke atas perkataan yang dimulai oleh huruf lam, lam syamsiyyah berserta hamzah wasalnya dihapus dan tidak akan dibaca seperti (لِلْسَّانِ) “lillisani”.



Pelajaran Pertama
Lam Qamariyyah

وَالْعَصْرِ

الْعَصْرِ

وَالْقَلْمَ

الْقَلْمَ

Contoh-Contoh
Lam Qamariyyah

الْجَمْعُ

وَالْبَحْرِ

وَالْخَيْلَ

وَالْحَمْدُ

وَالْفَجْرِ

الْغَضَبُ

الْمُلْكُ

الْكَرْبِ

الْيَمِينِ

الْوَعْدُ



**Pelajaran Kedua
Lam Syamsiyyah**

وَالرُّوحُ

الرُّوحُ

وَالضَّحَىٰ

الضَّحَىٰ

**Contoh-Contoh
Lam Syamsiyyah**

الثَّابِتٌ

الْتَّعَابُنِ

الذَّهَبُ

الدُّعَاءُ

الشَّمَالٍ


وَالسَّاعَةُ

وَالطُّورِ

الصَّمَدُ

النُّورِ

وَالظَّاهِرُ



BAB SEBELAS

MEMBACA PERKATAAN

Tujuan

Setelah menyelesaikan bab ini, pelajar akan mampu - dengan izin Allah - untuk:

- Menguasai cara membaca perkataan, ayat dan teks bacaan dengan betul.



**Panduan untuk
Pengajar**

✿ Cara membaca:

- Penjelasan pelajaran pertama, kedua, ketiga, keempat dan kelima, halaman 83, 84, 85, 86, 87:
- 1- Pelajar membaca perkataan pertama seperti yang telah dijelaskan dalam pelajaran-pelajaran yang lalu.
- 2- Pelajar membaca perkataan kedua seperti yang telah dijelaskan dalam pelajaran-pelajaran yang lalu.
- 3- Apabila contoh terdiri daripada dua perkataan, pelajar perlu mengulang iaitu membaca perkataan pertama dan kedua bersama-sama.
- 4- Apabila contoh terdiri daripada tiga perkataan, pelajar perlu menyambung perkataan pertama dengan yang kedua, kemudian membaca perkataan ketiga lalu membaca keseluruhan contoh tersebut.
- 5- Apabila contoh terdiri daripada empat perkataan, pelajar perlu menyambung perkataan pertama dengan yang kedua, kemudian ketiga dengan yang keempat, lalu membaca keseluruhan contoh tersebut.
- 6- Demikianlah cara yang akan digunakan apabila contoh mengandungi lebih daripada empat perkataan.

- Peringatan:

- 1- Jika datang pada akhir perkataan, huruf berbaris yang selepasnya adalah mad dan datang selepasnya huruf sukun pada perkataan yang kedua, maka yang pertama akan dihapus dan tidak dibaca ketika menyambung bacaan.

Contohnya: (وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ) mim huruf berbaris, selepasnya dua huruf sukun iaitu wau dan sod, maka waunya dipadam dan dibaca (وَأَقِيمُ صَلَاتَةً) “wa-aqimussolata”. Adapun alif selepas wau al-jama'ah, hamzah wasal dan lam syamsiyyah tidak akan dibaca dalam keadaan wasal.

Begini juga: (ذَا الْقُرْبَى), dzal huruf berbaris, selepasnya dua huruf sukun iaitu alif dan lam qamariyyah, maka alifnya dihapus dan dibaca (ذَلِقُرْبَى) “dzal qurba”. Adapun hamzah wasal, tidak dibaca dalam keadaan wasal.

- 2- Perkataan (اللَّهُ): Ditulis tanpa alif selepas lam bersabdu kerana kerap digunakan dan dibaca (إِلَهٌ) “Allahu”.
- 3- Perkataan (الله): Ditulis tanpa alif selepas lam kerana kerap digunakan dan dibaca (إِلَهٌ) “Ilaha”.
- 4- Perkataan (الرَّحْمَن): Ditulis tanpa alif selepas mim kerana kerap digunakan dan dibaca (الرَّحْمَانٰ) “Arrahmani”.



Pelajaran Pertama
Contoh Membaca Dua Perkataan

اللَّهُ رَبِّي

الْإِسْلَامُ دِينِي

مُحَمَّدٌ نَبِيٌّ

الْحَقِّ الْقَيُومُ

الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

الدِّينُ النَّصِيحَةُ

وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا



Pelajaran Kedua
Contoh Membaca Tiga Perkataan

اللَّهُ فِي السَّمَاوَاتِ

مَالِكٌ يَوْمَ الدِّينِ

وَإِنَّ عَلَيْكُمْ لَحَافِظِينَ

إِنَّهُ لَقُرْآنٌ كَرِيمٌ

اَهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ

وَقُولُوا لِلنَّاسِ حُسْنًا



Pelajaran Ketiga
Contoh Membaca Empat Perkataan

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ

وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَةَ

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ وَأَتُوبُ إِلَيْهِ

وَآتِ ذَا الْقُرْبَى حَقَّهُ



Pelajaran Keempat
Contoh Membaca Ayat

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

وَقَالَ رَبُّكُمْ ادْعُونِي أَسْتَحِبْ لَكُمْ

لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ

خَيْرُكُمْ مَنْ تَعْلَمَ الْقُرْآنَ وَعَلَمَهُ

أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ

سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ سُبْحَانَ اللَّهِ الْعَظِيمِ



Pelajaran Kelima
Contoh Membaca Teks

الإِسْلَامُ: أَنْ تَشْهَدَ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ،
وَأَنَّ مُحَمَّداً رَسُولُ اللَّهِ، وَتُقِيمَ الصَّلَاةَ،
وَتُؤْتِيَ الزَّكَاةَ، وَتَصُومَ رَمَضَانَ،
وَتَحُجَّ الْبَيْتَ إِنْ اسْتَطَعْتَ إِلَيْهِ سَبِيلًا

الإِيمَانُ: أَنْ تُؤْمِنَ بِاللَّهِ، وَمَلَائِكَتِهِ،
وَكُتُبِهِ، وَرُسُلِهِ، وَالْيَوْمِ الْآخِرِ،
وَتُؤْمِنَ بِالْقَدْرِ خَيْرِهِ وَشَرِّهِ

الإِحْسَانُ: أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَمَا كَانَكَ تَرَاهُ،
فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ



BAB DUA BELAS

ISTILAH DALAM PENULISAN MUSHAF

Tujuan

Setelah menyelesaikan bab ini, pelajar akan mampu - dengan izin Allah - untuk:

- Mengenal beberapa istilah dalam penulisan Mushaf.
- Membezakan antara Rasm ‘Uthmani dan penulisan moden.


Peringatan

Rasm ‘Uthmani berbeza dengan Bahasa Arab Moden dalam beberapa perkataan dan baris.



Panduan untuk
Pengajar

- **Kepala ha kecil (ه):** Menunjukkan huruf sukun, maka dibaca sama seperti yang terdapat dalam pelajaran sukun.
 - **Kepala sad kecil di atas hamzah wasal (أ):** Menunjukkan bahawa hamzah tersebut ialah hamzah wasal, maka dibaca sama seperti yang terdapat pada pelajaran hamzah wasal.
 - **Tanda mad (~):** Menunjukkan bahawa tanda mad huruf itu adalah mad tambahan terhadap mad tabi'i.
 - **Hamzah kemudian alif (ء):** Dibaca (ا), disebut sebagai mad badal dan dibaca sama seperti yang terdapat pada pelajaran mad tabi'i.
 - **Huruf mad kecil yang ditulis setelah huruf besar (و - ء - ئ - ؎):** Menunjukkan bahawa ianya dibaca bersama-sama dan dibaca sama seperti yang terdapat pada bab mad tabi'i.
 - **Alif kecil (أ) atau sin kecil (ص) di atas huruf besar:** Menunjukkan bahawa yang dibaca adalah huruf kecil, bukannya huruf besar.
 - **Lingkaran tegak memanjang di atas alif (ؑ):** Menunjukkan bahawa alif dibaca ketika waqaf (apabila diberhentikan), dan tidak dibaca ketika wasal (apabila bersambung).
 - **Lingkaran sempurna di atas huruf ‘illah (ؐ - ؔ - ؕ):** Menunjukkan bahawa huruf tidak dibaca.
-
- **Peringatan:** Pelajar membaca contoh-contoh seperti yang telah dijelaskan dalam pelajaran-pelajaran sebelumnya.
 - **Faedah:** Huruf ya di akhir kata dalam Rasm ‘Uthmani ditulis seperti biasanya, namun tanpa dua titik (۔) untuk membezakan di antara ya dengan alif maqsurah adalah seperti berikut:
 - 1- Apabila berbaris di atas (نَسِيٰ), berbaris di bawah (يُخِيٰ), berbaris di hadapan (الْبَغْيُ) atau di atasnya terdapat kepala ha kecil (أَثْنَيْنِ)، maka ini bererti ya.
 - 2- Apabila tidak terdapat sesuatu baris pun, dan tidak terdapat kepala ha kecil di atasnya, maka lihat huruf sebelumnya.Apabila huruf sebelumnya berbaris di bawah, maka itu ya, contohnya (عَبَادِي). Namun begitu apabila sebelumnya berbaris di atas, maka itu alif maqsurah, contohnya (الْمُدَى).



Pelajaran Pertama
Kepala Ha Kecil



Contoh Kepala Ha Kecil

طَلْعٌ

خَلْفٌ

حَبْلٌ

وَجْهٌ

نَحْنُ

قَبْلٌ



Pelajaran Kedua
Kepala Sad Kecil



Contoh Kepala Sad Kecil

وَالشَّجَرِ

وَالثَّيْنِ

وَالْبَلْدُ

النَّاسِ

وَالظَّارِقِ

الصَّيفِ



Pelajaran Ketiga
Tanda Mad

Contoh
Tanda Mad

فِدَاءً	الضَّالِّينَ	جَاءَ
هَوْلَاءٍ	مَائِدَةً	قُرُونٌ



Pelajaran Keempat
Hamzah Kemudian Alif

Contoh
Hamzah Kemudian Alif

Bacaannya	Penulisan Mushaf
وَآتِ	وَءَاتِ
آدَمُ	ءَادَمُ
آمَنُواْ	ءَامَنُواْ
الْقُرْآنُ	الْقُرْءَانُ



و و و

Pelajaran Kelima
Huruf Kecil Selepas Huruf Besar

۱

Contoh
Alif Kecil

مَلَائِكَةٌ

لَكِنْ

ذَلِكَ

يَأْتِيهَا

وَعَدْنَا

هَذَا

۲

Contoh
Wau Kecil

دَأْوُدَ

حَمْلُهُ وَ

بَعْدَهُ وَ

وَعْدَهُ وَ

نِعْمَتُهُ وَ

كَانَهُ وَ

۳

Contoh
Ya Kecil

سَبِيلِهِ

رَحْمَتِهِ

دُونِهِ

وَرَائِهِ

ظَهْرِهِ

طَعَامِهِ



Pelajaran Keenam: Alif Kecil ﴿﴾ atau Sin Kecil ﴽ﴿ di atas Huruf Besar

١ - س

Contoh
Huruf Kecil di atas huruf besar

الصلوة

الزكوة

الحياة

يُبصُط

مَوْلَهُ

كِمشكوة

٧

Pelajaran Ketujuh
Lingkaran Tegak Memanjang

٨

Contoh
Lingkaran Tegak Memanjang

السبيلا

الرسولا

أنا

لَكِنَا

قَوَارِيرًا

الظُّنُونَا



Pelajaran Ketujuh
Lingkaran Sempurna

Contoh
Lingkaran Sempurna

قالُوا

ثُمُودًا

أُولَئِكَ

يَتَلْوُوا

نَبَإٍ

مِائَةً



BAB TIGA BELAS

ANGKA

Tujuan

Setelah menyelesaikan bab ini, pelajar akan mampu - dengan izin Allah - untuk:

- Menguasai cara membaca angka dengan betul.



Panduan untuk
Pengajar

Pelajar membaca angka mengikut cara berikut:

Itsnan	١	Wahid	١	Sifr	٠
Khamsah	٥	Arba'ah	٤	Tsalatsah	٣
Tsamaniyah	٨	Sab'ah	٧	Sittah	٦
Ihda 'asyar	١١	'Asyarah	١٠	Tis'ah	٩
'Arba'ata 'asyar	١٤	Tsalatsata 'asyar	١٣	Itsna 'asyar	١٢
Sab'ata 'asyar	١٧	Sittata 'asyar	١٦	Khamsata 'asyar	١٥
'Isyrun	٢٠	Tis'ata 'asyar	١٩	Tsamaniyata 'asyar	١٨



ANGKA

٢	١	٠
٥	٤	٣
٨	٧	٦
١١	١٠	٩
١٤	١٣	١٢
١٧	١٦	١٥
٢٠	١٩	١٨


**Isi Kandungan**

Mukadimah.....	5
Yang Saya Lakukan dalam Buku Ini.....	6
Keistimewaan Kaedah Madaniyyah.....	8
Tujuan Kaedah Madaniyyah.....	9
Gambar Rajah Sukatan Pelajaran.....	10
Pengenalan.....	11
Bab Satu: HURUF HIJAIYYAH.....	13
Bab Dua: HURUF BERSERTA BARIS DAN SUKUN.....	21
Bab Tiga: HURUF BERSERTA TANWIN.....	35
Bab Empat: HURUF BERSERTA SABDU DAN BARIS.....	43
Bab Lima: HURUF BERSERTA SABDU DAN TANWIN.....	51
Bab Enam: HAMZAH QATA' DAN HAMZAH WASAL.....	61
Bab Tujuh: MAD TABI'I.....	65
Bab Lapan: ALIF SELEPAS WAU AL-JAMA'AH.....	69
Bab Sembilan: TA MARBUTAH.....	73
Bab Sepuluh: LAM QAMARIYYAH DAN LAM SYAMSIYYAH.....	77
Bab Sebelas: MEMBACA PERKATAAN.....	81
Bab Dua Belas: ISTILAH DALAM TULISAN MUSHAF.....	89
Bab Tiga Belas: ANGKA	97
Isi Kandungan.....	100

Penerbit Yayasan Thalibul Ilmi

00966506090448





Keluaran Kami

Kaedah Madaniyyah

- ❖ Metode paling mudah dan singkat untuk belajar membaca dalam bahasa arab.
- ❖ Sesuai untuk kanak-kanak dan dewasa.
- ❖ Berlandaskan asas-asas ilmiah beserta teknik-tekniknya yang mudah.
- ❖ Pelbagai contoh didatangkan bagi memudahkannya untuk difahami.
- ❖ Buku yang berteknologi moden, ianya dibekalkan dengan aplikasi digital yang dapat membantu para pelajar mendengar dan membaca dengan betul.
- ❖ Dilengkapi dengan sebuah buku khas untuk belajar menulis.
- ❖ Terkandung di dalamnya panduan untuk para pengajar bagi membantu mereka mengajar dengan cara atau teknik yang betul.